SULIT

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM

TAHUN 2012

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian,** iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B.**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan beberapa sukan lasak yang semakin popular. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan menyertai kegiatan sukan lasak**. *Panjangnya huraian hendaklah* **antara 200 hingga 250 patah perkataan.**

AKTIVITI SUKAN LASAK

Mendaki gunung – membina ketahanan minda



Berkayak – mengukuhkan nilai kerjasama

Berbasikal – menggalakkan persaingan sihat

Bahagian B

[*100 markah*]

(*Masa yang dicadangkan* : 1 *jam* 30 *minit*)

Pilih **satu** *daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Konsep Sekolah Penyayang berteraskan budaya kemesraan dan sayang-menyayangi dalam kalangan guru dan murid.

   Jelaskan cara-cara anda menghargai kasih sayang guru.

2. Bapa ialah suri teladan kepimpinan dalam sesebuah rumah tangga terutama kepada anak-anak lelaki. Pandangan ini selaras dengan salah satu matlamat pendidikan negara, iaitu memperkasakan pelajar lelaki.

   Huraikan sifat-sifat kepimpinan yang perlu diasuh oleh ibu bapa kepada anak lelaki mereka sebagai pemimpin keluarga.

3. Peninggalan sejarah dan warisan budaya merupakan aset yang mesti dipertahankan dengan baik agar dapat dijadikan sumber rujukan dan tatapan generasi akan datang.

   Sarankan langkah-langkah memulihara peninggalan sejarah negara.

4. Hampir tujuh bilion perut di seluruh dunia semakin terasakan bahana kenaikan harga bahan makanan. Faktor yang menggusarkan masyarakat dunia ialah stok makanan semakin berkurang.

   Bincangkan punca-punca kemerosotan bekalan makanan dunia.

5. Berdasarkan sebuah karya sastera yang anda baca, jelaskan amalan- amalan baik yang sesuai dipraktikkan oleh masyarakat kini.

KERTAS SOALAN TAMAT